

UTHM, AIT jalin kerjasama

Wujudkan pusat penyelidikan bersama

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Athlone Institute of Technology (AIT), Ireland bekerjasama bagi melahirkan lebih ramai graduan selain menjalankan penyelidikan secara bersama.

Bagi memperkuuh kerjasama berkenaan, sebuah pusat penyelidikan dikenali sebagai UTHM-AIT Joint Research Centre ditubuhkan, bertempat di Kampus Induk UTHM, Parit Raja.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, pusat penyelidikan berkenaan memberi pelbagai manfaat kepada kedua-dua universiti, setelah beberapa kali perbincangan dilakukan.

“Dengan penubuhan pusat berkenaan, diharapkan pelbagai penyelidikan dapat dilaksanakan secara bersama.

“UTHM yakin pelbagai pengisian dapat dilakukan setelah tertubuhnya pusat ini, termasuk untuk warga UTHM bagi melakukan kajian atau penyelidikan berkaitan,” katanya.



Noh Dalimin (kiri) dan Ciarán Ó Catháin, selepas perasmian penubuhan UTHM-AIT Joint Research Centre di UTHM.

Menurut Shafry lagi, melalui penubuhan pusat penyelidikan bersama berkenaan, secara langsung mempertingkatkan kerjasama penyelidikan dan mengeratkan hubungan antara kedua-dua universiti.

“UTHM amat berbesar hati apabila AIT menyatakan hasrat untuk menghantar penyelidik dalam bidang berkaitan ke pusat penyelidikan ini bagi menjalankan penyelidikan

bersama penyelidik UTHM.

“Para penyelidik UTHM diharapkan dapat memanfaatkan sepenuhnya penubuhan UTHM-AIT Joint Research Centre bagi melonjakkan lagi bidang R&D UTHM di pentas dunia,” katanya.

Pusat berkenaan telah dilancarkan Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dan Presiden AIT, Profesor Ciarán Ó Catháin, baru-baru ini.